

26 MAR 1996

Mahathir - Imigresen

PM CAKAP NEW ZEALAND TAK PATUT TOLAK PENDATANG ASIA

Oleh: Syed Jamil Jaafar

WELLINGTON, 26 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata New Zealand boleh mencorakkan dasar imigresennya sendiri tetapi adalah tidak kena bagi negara itu menolak pendatang-pedatang Asia dan pada masa yang sama ingin mendekati Asia.

"Ia seolah-olahnya satu diskriminasi," kata beliau ketika menjawab soalan pada persidangan berita di sini mengenai usaha-usaha New Zealand untuk mewujudkan kerjasama yang lebih dengan Asia dan penentangan dari setengah pihak di sini kepada pertambahan pendatang Asia.

Persidangan berita itu diadakan bersama-sama Dr Mahathir dan Perdana Menteri New Zealand Jim Bolger selepas kedua-dua pemimpin itu menyaksikan upacara menandatangani empat perjanjian dua hala di bangunan Parlimen di sini.

"New Zealand telah menerima ramai rakyat Malaysia pada masa lepas dan terpulanglah kepada negara ini sama ada hendak mengambil lebih ramai lagi pendatang Asia ataupun Eropah, tetapi ini sudah tentu akan diambil berat oleh negara-negara Asia kerana kami rasa New Zealand lebih berminat kepada Asia, hampir sama dengan (hasrat) Australia, saya fikir," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau tidak fikir yang semua rakyat New Zealand hendak menolak pendatang-pendatang Asia hanya kerana mereka orang-orang Asia.

"Pendatang-pendatang yang pergi ke mana-mana negara ... sekiranya mereka boleh memberi sumbangan saya fikir mereka patut diterima. Ini pendapat kami di Malaysia dan kami telah menerima ramai pendatang," kata beliau.

New Zealand yang mempunyai keluasan 270,000 km persegi mempunyai jumlah penduduk seramai 3.64 juta mengandungi bangsa Eropah (79.5 peratus), Maori (13 peratus), Polinesia Kepulauan Pasifik (5 peratus) dan orang Asia dan lain-lain (2.5 peratus).

Dr Mahathir berkata New Zealand akan lama kelamaan mempunyai lebih banyak persamaan dengan dunia sebelah sini dari Eropah.

Lagipun Eropah kini menjadi lebih "Eurocentric" (sifat pentingkan diri) dan tidak berminat dengan hubungan sejarah daripada hubungan geografi.

"Oleh itu, sama ada awak suka atau tidak, awak telahpun berada di sini," kata Dr Mahathir, disambut oleh Bolger yang menyebut: "kami bersetuju dan kami sungguh gembira kerana berada di sini, Datuk Seri."

Dr Mahathir juga menjawab soalan-soalan mengenai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), ketegangan di antara China dan Taiwan, defisit imbalan pembayaran

Malaysia dan undang-undang dadah yang ketat di Malaysia.

Beliau berkata untuk menjadikan EAEC satu kenyataan, langkah-langkah mesti diambil untuk membuang prasangka dari sesetengah negara terhadap cadangan itu.

Dr Mahathir berkata beliau akan bergembira sekiranya New Zealand tidak mempunyai bantahan terhadap EAEC. "Itu saja. Saya bukan meminta sokongan," kata beliau.

Untuk ini Bolger menjawab bahawa New Zealand tidak mempunyai masalah dengan negara-negara dari satu rantau "bermesyuarat, berunding dan berbincang".

"Itulah sebab maka kami mengambil pendekatan yang sederhana terhadap kebimbangan yang ditimbulkan oleh beberapa negara mengenai EAEC. Saya sendiri menjangka EAEC akan bergerak maju," kata Bolger.

Mengenai China, Dr Mahathir berkata beliau tidak fikir sikap China terhadap Taiwan akan menyerupai sikap negara itu mengenai tuntutan terhadap Kepulauan Spratly ataupun tuntutan-tuntutan lain di Asia Timur.

"Apa yang sebenarnya berlaku di antara Taiwan dan China ialah China menganggapnya sebagai perkara domestik keseluruhannya dan Taiwan sendiri

mengakui yang ia adalah sebahagian dari China," kata beliau.

"Tetapi sekiranya pemimpin-pemimpin Taiwan memilih untuk membangkitkan kemarahan kerajaan China, akan timbul ketegangan dan tindakan-tindakan dibuat China untuk menunjukkan kepada penduduk Taiwan bahawa usaha-usaha mereka untuk mencari kemerdekaan akan menemui kegagalan.

"Ini adalah antara Taiwan dan China sepenuhnya. Saya tidak fikir kita patut mengambil ini sebagai penunjuk bahawa China adalah sebuah negara agresif dan suka menyelesaikan masalah secara ketenteraan.

"Mengenai tuntutan Spratly, China telah menyatakan mereka bersedia untuk berunding secara berbagai hala," kata Dr Mahathir. -- Bernama

SJ WAT AHH